

GARIS PANDUAN PENGGUNAAN LOGO

1. Tidak dibenarkan menggunakan kalimah-kalimah lafzul-jalalah, lafaz keagongan, Nabi Muhammad SAW, nama Rasulullah SAW dan ketua Ulul Azmi yang mempunyai kebesaran serta perkataan bismillah pada sign board untuk melambangkan restoran tersebut pemilik Islam kerana termasuk dalam mempermainkan dan memperlekehkan kesucian Islam.
Adapun di dalam restoran penggunaan kalimah-kalimah tersebut adalah diharuskan.
2. Tidak dibenarkan menggunakan logo atau gambar masjid dalam perniagaan kerana akan mengelirukan orang awam terutama jika digunakan oleh orang bukan Islam.
3. Untuk melambangkan restoran tersebut milik orang Islam atau restoran yang diambil alih oleh peniaga bukan Islam dicadang menggunakan logo **HALAL**
4. Penggunaan lambang bulan dan bintang dibenarkan sekiranya permohonan tersebut daripada orang Islam.
5. Penggunaan nombor 786 adalah tidak dibenarkan.

Di luluskan oleh :

(DATO' SERI (DR) HAJI HARUSSANI BIN HAJI ZAKARIA)
SPMP.,DPMP.,JSM.,AMN.,PKT.,PJK.

Mufti Negeri
Perak Darul Ridzuan.